

Cuepacs harap bonus RM1,000

BH

7 DEC 2000

KUALA LUMPUR, Rabu – Kongres Kesatuan Sekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) berharap kerajaan memberi bonus atau imbuhan khas sekurang-kurangnya RM1,000 atau sebulan gaji sebelum Aidilfitri bagi mengurangkan beban 800,000 kakitangannya.

Setiausaha Agung Cuepacs, Abdul Rahman Manan berkata, perkara itu dikemukakan kongres berkenaan dalam pertemuan dengan Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin pada 6 November lalu.

Katanya, walaupun kerajaan sudah memberi kenaikan gaji 10 peratus, pembe-

rian bonus masih perlu kerana Hari Raya Puasa kali ini disambut terlalu hampir dengan pembukaan sesi persekolahan 2001.

“Pemberian bonus sekurang-kurangnya dapat mengurangkan beban kakitangan awam, terutama yang mempunyai ramai anak,” katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Mahathir Mohamad semalam yang membayangkan kemungkinan kerajaan memberi bonus atau bantuan khas kewangan kepada kakitangan awam.

Dr Mahathir berkata, pemberian bonus dan imbuhan hanya dibuat jika kerajaan mampu berbuat demikian dengan mengambil kira pertimbangan daripada Kementerian Kewangan.

Dalam Belanjawan 2001 yang dibentangkan pada 27 Oktober lalu, kerajaan tidak mengumumkan pemberian bonus kerana kakitangan awam sudah mendapat kenaikan gaji 10 peratus dan imbuhan perumahan sebanyak 50 peratus.

Sementara itu, Timbalan Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Mohamed Shafie BP Mammal ketika dihubungi ber-

kata, kerajaan dan majikan sektor swasta seharusnya menimbang pemberian bonus bagi mendorong pekerja meningkatkan produktiviti.

“Dengan adanya bonus, kuasa pembeli juga akan lebih besar dan banyak transaksi perniagaan berlaku dan seterusnya dapat menjana ekonomi negara.

“MTUC berharap sama ada kerajaan atau majikan dapat menimbang pemberian bonus, imbuhan khas atau pemberian gaji awal bagi mengurangkan beban pekerja membuat persiapan hari raya dan pembukaan sesi persekolahan,” katanya.